

HADITH MAWDU‘

Sejarah dan Cara-cara Mengenalinya

Oleh:

Prof. Madya Dr Abdul Hayei Bin Abdul Sukor

Disediakan Oleh:
Bahagian Penyelidikan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Diterbitkan Oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
<http://www.islam.gov.my>

Cetakan pertama 2008
Cetakan kedua 2015

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Blok D7 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62519 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan.

Rekabentuk dan dicetak oleh:

VISUAL PRINT SDN. BHD.
No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1,
Alam Damai, Cheras.
56000 Kuala Lumpur.

***Kata-Kata Aluan
Sahibus Samahah Mufti Wilayah Persekutuan***

Assalamualaikum wrbt.

Alhamdulillah saya bersyukur kehadrat Allah SWT yang telah memberi hidayah dan inayah serta keizinannya maka usaha untuk menerbitkan risalah kecil mengenai “Hadith Mawdu‘ dan Cara Mengenalinya” telah berjaya terlaksana.

Saya bagi pihak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor yang telah berusaha bersungguh-sungguh menulis tajuk ini. Semoga usaha beliau ini akan diberkati dan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

Kepada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan di Malaysia amnya, saya berharap dapat menggunakan risalah kecil ini sebagai asas panduan bagi mengenali ciri-ciri Hadith Mawdu‘ (Hadith Palsu) yang sejak dahulu hingga sekarang banyak tersebar dalam masyarakat kita dan setengahnya telah menjadi pegangan mereka. Justeru dengan penerbitan risalah kecil ini akan mengubah dan membetulkan keadaan serta membersihkan masyarakat daripada hadith-hadith yang direka secara dusta bagi menyesatkan umat manusia.

Akhirnya sama-sama lah kita berdoa semoga Allah SWT memberkati segala usaha kita ini lnsya-Allah.

(Prof. Madya Dr. Mohammed Yusoff bin Hussain)
Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Hadith *Mawdu'* dan Cara-cara Mengenalinya¹

Pendahuluan

Kedudukan hadith sahih sebagai sumber kedua dalam Islam selepas al-Qur'an telah disepakati umat Islam, berpandukan dalil-dalil al-Qur'an, al-Sunnah dan Ijma' ulama'. Mereka juga sepakat menyatakan pendustaan terhadap Nabi SAW adalah suatu dosa yang sangat besar menyebabkan seseorang pendusta dimasukkan ke neraka.

Memalsukan hadith antara fenomena yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah SAW, apabila manusia mula mengejar cita-cita keduniaan, tanpa mengira jalan yang ada di hadapannya, sama ada benar atau salah, atau kerana didorong oleh salah faham terhadap ajaran Islam, lalu mencampur adukkan antara sabda dan bukan sabda.

Takrif Hadith *Mawdu'* (موضوع)

Perkataan *mawdu'* diambil daripada asal kata *wada* ۋەذىع ertiinya letak sesuatu dan tinggal atau melahirkan anak. Menurut istilah ulama hadith, *mawdu'* ertiinya hadith yang dibuat, direka secara dusta terhadap Rasulullah SAW. Hubungan antara dua makna bahasa dan istilah ini erat sekali, kerana *mawdu'* pada bahasa membawa makna jatuh dan hilang sesuatu daripada perkiraan, sedang makna istilahnya pula mengadakan sesuatu yang tidak ada sebelumnya.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Muzakarah Pemegang Tauliah Mengajar Wilayah Persekutuan dan Labuan pada 18 Oktober 2001 "Khamis" (W.P.Kuala Lumpur) dan 13 November 2001 "Selasa" (W.P. Labuan).

Hadith yang dimawdu' atau dipalsukan itu terbagi dua:

Pertama: Memalsu atau mereka sendiri sesuatu ucapan, kemudian memperakukannya sebagai sabda atau ucapan Nabi SAW.

Kedua: Memalsukan sesuatu ucapan yang bukan ucapan Nabi SAW, seperti ucapan sahabat, *tabi'in*, *hukama'*, sufi atau lain-lain. Atau diriwayatnya daripada sumber *Isra'iliyyat*, kemudian menghubungnya kepada Nabi SAW, bagi mendapatkan kepercayaan masyarakat.

Antara contoh ucapan sahabat yang dihubung kepada nabi ialah:

أَحْبَبْ حَبِيْلَكَ هَوْنَا مَا عَسَى أَن يَكُونَ بَغِيْضَكَ يَوْمًا مَّا
وَأَبْغَضْ بَغِيْضَكَ هَوْنَا مَا عَسَى أَن يَكُونَ حَبِيْلَكَ يَوْمًا مَا²

Ucapan ini dikesan ucapan Ali Ibn Abu Talib.

Ada juga kalam *tabi'in* yang dihubung kepada Nabi SAW, misalnya:

حُبُ الدُّنْيَا رَأْسُ كُلِّ حَطِيْثَةٍ³

Kalam ini sebenarnya ucapan Malik Ibn Dinar

Ada kalam *hukama'* didakwa hadith Nabi SAW, misalnya:

الْمَعِدَةُ بَيْتُ الدَّاءِ وَالْحِمْيَةُ رَأْسُ كُلِّ دَوَاءٍ⁴

2 Al-Bairuti, Asna al-Matalib, ms 20. Al-'Ajluni, Kasyf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas. 1/53.

Maksudnya: Buat baik kepada kawan berpada-pada, mungkin suatu hari ia menjadi musuh anda. Marahi musuh juga berpada-pada, mungkin pada suatu hari ia menjadi teman anda.

3 Asna al-Matalib, ms 92. Kasyf al-Khafa, 1/345 Maksudnya: Cintakan dunia punca segala dosa.

4 Ibid. 2/214. Maksudnya: Perut rumah penyakit, berpantang ubat yang sangat mujarab.

Kalam ini dikesani sebagai ucapan al-Harith Ibn Kaladah, seorang tabib Arab.

Ada kalam ahli Tasawuf yang didakwa hadith seperti:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ⁵

Kalam ini bukan sabda Nabi SAW, kerana tidak diketahui ada jalan sanadnya, sama ada sahih atau da‘if. Sesetengah ulama menyatakan, ia adalah ucapan Abu Sa‘id al-Kharraz, ada yang mengatakan ucapan Yahya Ibn Mu‘adh al-Razi.

Ada kalam bersumber daripada *Isra ‘iliyyat*, yang kemudiannya didakwa hadith seperti:

مَا وَسِعَنِي سَمَائِي وَلَا أَرْضِي، وَلَكِنْ وَسِعَنِي قَلْبُ عَبْدِي
الْمُؤْمِنِ⁶

Menurut Ibn Taymiyyah: Kalam ini bersumber daripada *Isra ‘iliyyat*, tiada asalnya daripada Nabi SAW.

Memang banyak sekali kalam yang dihubung atau didakwa kepada sabda Nabi SAW, sahabat dan tabi‘in, padahal sumbernya datang daripada sumber *Isra ‘iliyyat*, seperti berita mengenai asal kejadian (*Bad‘ al-Khalq*), *al-Ma ‘ad*, berita umat terdahulu, (*Akhbar al-Umam al-Madiyah*), *al-Kawniyah*, *Qisas al-Anbiya‘* dan lain-lain.

5 Asna al-Matalib, ms 214.

Maksudnya: Sesiapa kenal dirinya, maka kenal tuhannya.

6 Asna al-Matalib, ms 192. Kasyfal-Khafa‘ 2/195. Maksudnya: Aku tidak menelusi pada langit dan bumiku, tetapi menelusi hati hamba- Ku yang Mukmin.

Hukum Meriwayat Hadith *Mawdu'*

Ulama Hadith, salaf dan khalaf sepakat menyatakan tidak harus meriwayatkan hadith *mawdu'* dalam apa jua bab, bidang dan tajuk, sama ada yang berkaitan hukum halal atau haram *fada'il al-a'mal*, *targhib* dan *tarhib* mahupun kisah dan sejarah, kecuali dengan suatu pertanyaan bahawa riwayat itu *mawdu'* dan rekaan semata-mata.⁷

Banyak hadith memberi amaran keras terhadap pendusta yang memalsukan hadith, kemudian mendakwanya sebagai sabda Nabi. Justeru itu, para sahabat sangat takut apabila meriwayat sesebuah hadith, kerana khuatir terjerumus ke dalam amaran itu, dalam riwayat Bukhari dan Muslim daripada Ali RA sabda Nabi SAW:

لَا تَكُنْدِبُوا عَلَيَّ ، فَإِنَّهُ مَنْ يَكُنْدِبُ عَلَيَّ يَلْجُ النَّارَ⁸

Terjemahan: *Jangan kamu berdusta terhadapku. Sesungguhnya sesiapa berdusta terhadapku, maka sedialah kemasukannya ke neraka.*

Dalam riwayat al-Mughirah Ibn Syu'bah RA, katanya: Aku dengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ كَذِبًا عَلَيَّ لَيْسَ كَذِبٌ عَلَى أَحَدٍ ، مَنْ كَذَبَ عَلَيَّ
مُتَعَمِّدًا فَلِيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ⁹

Terjemahan: *Sesungguhnya pendustaan terhadapku, tidak seperti pendustaan terhadap orang lain. Sesiapa berdusta*

7 Al-Suyuti, *Tadrib al-Rawi*, ms 98. Muqaddimah Ibn al-Salah, ms 109.

8 Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (*Kitab al-'Ilm: Bab Ithm man Kadhab 'ala al-Nabi*. Lihat *Fath al-Bari*, 1/199-202. Muslim, *al-Muqaddimah*, 9-10.

9 Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, (*kitab al-Jana' iz*, *Bab Ma Yukrah Min al-Nihayah 'alaal-Mayyit*). Lihat *Fath al-Bari* 3/160. Muslim, *al-Muqaddimah*, 1/9-10.

terhadapku dengan sengaja, maka sediakanlah tempatnya dalam neraka.

Dalam riwayat Samurah Ibn Jundab RA katanya: sabda Nabi SAW:

مَنْ حَدَّثَ عَنِّي بِحَدِيثٍ يُرَى أَنَّهُ كَذِبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ¹⁰

Terjemahan: *Sesiapa meriwayat daripadaku hadith, sedang ia tahu hadith itu dusta, maka ia termasuk salah seorang pendusta.*

Menurut Imam Nawawi¹¹: Bagi mereka yang tahu atau pada sangkaannya sesbuah hadith itu *mawdu'* maka haram ia meriwayatkannya. Sesiapa yang meriwayatkannya, sedang ia tahu atau mengikut berat sangkanya hadith itu *mawdu'* tanpa menyatakan keadaannya yang sebenar, maka ia termasuk dalam golongan yang diberi amaran oleh hadith ini, kerana sabdanya:

مَنْ حَدَّثَ عَنِّي بِحَدِيثٍ يُرَى أَنَّهُ كَذِبٌ فَهُوَ أَحَدُ الْكَاذِبِينَ¹²

Tidak ada bezanya antara hadith yang dipalsukan pada perkara yang berkaitan hukum dan bukan hukum, semuanya haram dan termasuk antara dosa yang terbesar dan terkeji.

Ulama dan pemikir Islam sepakat menyatakan bahawa dusta adalah suatu amalan keji dan buruk, biar di mana dan terhadap sesiapapun,

10 Sahih Muslim, al-Muqaddimah, 1/9.

11 Nama penuh beliau ialah Yahya Ibn Syaraf al-Nawawi, Imam besar dalam mazhab Syafi'i, lahir pada tahun 631H. dan meninggal pada tahun 676H. Beliau antara ulama yang menjadi contoh dalam beberapa bidang ilmu. Lihat al-Subki, Tabaqat al-Syafi'iyyah, 51165. Khayr al-Din, Al-A'lam, 8/149–150.

12 Syarh Sahih Muslim, 1/71.

apa lagi jika terhadap Rasulullah SAW yang seluruh sabdanya menjadi hujah dan sandaran dalam agama ini.

Qadi ‘Iyad ketika mengulas hadith yang memberi amaran terhadap pemalsu-pemalsu hadith katanya: Mengapa pemalsu tidak wajar masuk di bawah amaran hadith itu, sedangkan ucapannya dusta, dan mengapa ia tidak boleh diberi amaran neraka¹³, sedangkan ia wajar dihukum begitu.

Imam al-Suyuti menyatakan: Ulama hadith sepakat memutuskan tidak harus meriwayatkan hadith *mawdu’* pada apa jua tajuk dan bidang, kecuali dengan menyatakan kedudukannya sebagai *mawdu’* lain halnya dengan *da’if* yang harus diriwayat dalam bidang-bidang yang tidak berkaitan ‘*aqa’id* dan *ahkamu*.¹⁴

Justeru kerasnya amaran Nabi SAW terhadap pemalsu hadith, khulafa Rashidin sangat berhati-hati apabila menerima sesebuah riwayat. Abu Bakr dan Umar sebagai contoh, meminta ditunjukkan dua saksi apabila sesuatu riwayat dikemuka kepadanya. Ali Ibn Abu Talib meminta supaya diadakan sumpah atas kesahihan sesebuah hadith yang disampaikan. Abdullah Ibn Mas‘ud apabila meriwayat sesebuah hadith, gementar badan dan berpeluh, kedua matanya mengalir air mata, kerana khuatir ada bahagian-bahagiannya yang tertambah atau terlupa disebut, hingga hal seterusnya zaman tabi‘in yang mengikut jejak sahabat apabila memanjangkan sesuatu riwayat, seperti Sa‘id Ibn al-Musayyab, Urwah Ibn al-Zubair, Ali Ibn al-Husain dan lain-lain¹⁵. Seterusnya sikap seumpama itu juga dituruti oleh generasi tabi‘in sesudahnya seperti Malik Ibn Anas, Syu‘bah Ibn al-Hajjaj, Sufyan

13 Ibid. ms 70.

14 Seperti bidang *Targhib* dan *Tarhib*, Cerita, *Mawa’iz* dan sebagainya. Lihat *Tadrib al-Rawi*.

15 Sila lihat *Tahzir al-Khawas Min Ahadith al-Qussas*, IDS 88.9

al- Thawri, Hammad Ibn Zayd dan lain-lain. Jika ada apa-apa yang mereka kaburi, mereka segera bertanya sahabat yang sebelum mereka bagi memastikan kebenaran sesebuah riwayat.

Faktor-faktor Pemalsuan

Ulama' dan penyelidik hadith *Mawdu'* mengenalpasti beberapa faktor yang mendorong pemalsuan hadith, antaranya:

1. Krisis dalaman umat Islam akibat perbezaan kecenderungan politik. Penyokong setiap pemimpin sanggup memalsukan hadith bagi kepentingan kumpulannya. Golongan Ahli Sunnah wa al-Jamaah juga tidak terkecuali daripada kegiatan memalsukan hadith bagi kepentingan kumpulannya. Hadith tentang kelebihan tokoh-tokoh seperti Abu Bakr, Umar, Uthman, Ali, al-'Abbas, Mu'awiyah dan lain-lain antara contoh pemalsuan yang pernah dilakukan bagi menjawab hadith-hadith yang direka kumpulan-kumpulan lawan.
2. Memburuk-burukkan ajaran Islam. Faktor ini banyak dilakukan oleh kumpulan di luar Islam yang tewas kepada kekuasaan Islam, mereka kecewa dengan kekalahan, lalu memalsukan hadith, dengan tujuan menyesatkan umat Islam dan pemikiran mereka.
3. Merangsang orang ramai supaya berbuat kebajikan. Faktor ini banyak dilakukan oleh golongan yang tidak memahami ajaran Islam dengan sebaik-baiknya, mereka memalsukan hadith, supaya orang kembali berbuat amal kebajikan.

4. Mencari kepentingan dunia, seperti mengambil hati pemimpin, dan mendapatkan kedudukan yang istimewa pada hati pemerintah.
5. Memalsukan hadith kerana faktor-faktor peribadi yang tidak boleh dielakkan, seperti kerana cacat penglihatan dan sebagainya.

Cara-cara Mengenali Hadith *Mawdu'*

Daripada beberapa kajian yang dibuat ulama dalam bidang ini, beberapa alamat hadith *mawdu'* dikenalpasti, antaranya:

1. Pengakuan sendiri daripada *pemawdu'nya*, seperti Ibn 'Ismah Nuh Ibn Maryam yang memalsukan hadith tentang fadhilat al-Qur'an surah demi surah.¹⁶
2. Bertentangan fakta sejarah, seperti kenyataan riwayat daripada syeikh tertentu, padahal ia dibuktikan sebagai tidak bertemu dengannya, sebagai contoh:

إِذَا انْكَسَفَ الْقَمَرُ فِي الْمُحَرَّمِ كَانَ الْعَلَاءُ وَالْقِتَالُ وَشُغْلُ
السُّلْطَانِ

Terjemahan: *Apabila berlaku gerhana bulan dalam bulan Muharam, berlaku kenaikan harga barang, perperangan dan kesibukan pemerintah.*

16 Nuruddin 'Itr, *Manhaj a1-Naqd*, ms 310. Bagaimanapun ada hadith-hadith yang mengesahkan surah-surah tertentu, seperti a1-Fatihah, a1-Baqarah, Ali 'Imran, Yasin, al-Dukhan, dan lain-lain. Lihat al-Suyuti, *al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*, 2/153-155.

3. Rendah bahasa penggunaannya, seperti menjanjikan pahala yang sangat besar pada amalan yang terlalu kecil. Antara contohnya:

الزنجي إذا شبع زني ، و إذا جاع سرق

Terjemahan: *Orang zanji apabila kenyang berzina dan apabila lapar mencuri.*

4. Tidak ditemui dalam kitab-kitab, walaupun telah diselidik oleh para ahli. Sebagai contoh:

ثلاثة تزيد في البصر: النظر إلى الخضراء والماء الحاري والوجه

الحسن

Terjemahan: *Tiga perkara menambahkan kekuatan penglihatan: Mengolah warna hijau, air mengalir dan muka yang cantik*

5. Bertentangan akal dan kenyataan, sebagai contoh:

أَخْضِرُوا مَوَائِكُمُ الْبَقْل، فَإِنَّهُ مَطْرَدٌ لِلشَّيْطَانِ

Terjemahan: *Bawalah sayur dalam hidangan kamu, kerana ia menjauhkan syaitan.*

تَحَسَّمُوا بِالْعَقِيقِ فَإِنَّهُ يُورِثُ الْغَنِّ

Terjemahan: *Pakailah cincin permata akik, kerana mempusakai kaya.*

6. Bertentangan keterangan al-Qur'an dan dalil-dalil yang mutawatir, seperti umur dunia 7000 tahun dan kini dalam ribu yang ketujuh dan sebagainya.

7. Keterangan yang lucu dan mentertawakan, seperti:

إِنَّ لِلَّهِ مَلِكًا مِنْ حِجَارَةٍ يُقَالُ لَهُ : عُمَارَةٌ ، يَنْزِلُ كُلَّ يَوْمٍ
عَلَى حِمَارٍ مِنْ حِجَارَةٍ فَيُسَعِّرُ الْأَسْعَارَ ثُمَّ يَرْجُعُ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah mempunyai malaikat daripada batu bernama Umarah, pada setiap hari ia turun di atas keledai batu, lalu ia meletakkan harga barang-barang, kemudian naik semula.

Rujukan Hadith *Mawdu‘*

Dalam perpustakaan Islam, ulama telah mengumpulkan bahan-bahan rujukan dalam bidang ini, antaranya:

1. *Tadhkiratal-Mawdu‘at*, تذكرة الموضوعات karangan Abu al-Fadl, Muhammad Ibn Tahir al-Maqdisi (448-507 H.). Susunan hadithnya mengikut huruf abjad. Nama-nama imam dan pengkritik hadith juga disebut bersama.
2. *Al-La’ali al-Masnu‘ah fi al-Ahadith al-Mawdu‘ah*, الالايات المصنوعة في الأحاديث الموضوعة karangan al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti (849–911H.) Hadith-hadithnya disusun mengikut tajuk-tajuk Fiqh, nama-nama *pemawdu‘* dan ulasan ulamanya juga dikemukakan bersama.
3. *Tanzih al-Syariah al-Marfu‘ah ‘an Akhbar al-Syani‘ah al-Mawdu‘ah*, تزييه الشريعة المرفوعة عن أخبار الشنية الموضوعة karangan Abu al-Hasan Ali Ibn Muhammad Ibn ‘Arraq (m, 963H). Kitab ini disusun dalam dua jilid tebal.

4. *Al-Asrar al-Marfu 'ah fi al-Akhbar al-Mawdu 'ah*.
الأسرار المرفوعة في الأخبار الم موضوعة karangan Ali al-Qari, tahqiq Muhammad al-Sabbagh, diterbitkan pada tahun 1391 H.I 1971 M.

Menangani Usaha Pemalsuan Dan Penyebaran Hadith *Mawdu'*

Beberapa langkah telah diambil dan sepatutnya mendapat kerjasama daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pendidikan Islam, antaranya:

1. Membuku, menterjemah dan menyebarkan nama-nama perawi yang dikesani pernah memalsukan hadith, mengikut neraca sebagaimana yang diputuskan dalam *'Ulm al-Jarh wa al-Ta'dil*. (Ilmu menimbang kedudukan rawi hadith)
2. Membuku, menterjemah dan menyebarkan hadith-hadith *mawdu'* dengan tujuan mengingatkan umat Islam daripada bahaya yang mengakibatkan daripada niat buruk pemalsunya.
3. Mengedit semula kitab-kitab jawi yang didapati banyak menyelit hadith-hadith *mawdu'*, seperti kitab *Jawhar al-Muwuhu*, *Siyar al-Salikin*, jika difikirkan kitab-kitab ini perlu dikekalkan sebagai rujukan dalam ajaran Islam.

Penutup

Permasalahan hadith-hadith *da’if* dan *mawdu’* antara isu yang sudah dibincang pemikir-pemikir Islam, terutama ulama Hadith. Mereka telah mengambil kesimpulan untuk menyekat riwayatnya, kerana Islam telah cukup bagi maksud menghayatinya dengan al-Qur’ān dan hadith-hadith sahih.

Oleh kerana hadith-hadith itu, masih boleh diterima sesetengah orang, terutama apabila ia berjaya menembusi kitab-kitab *turath* Islam, maka kaedah menanganinya permasalahannya menjadi sulit, kerana kitab-kitab itu mempunyai kekuatannya sendiri.

Ulama menyedari, jika hadith-hadith *mawdu’* itu terus disebar dengan bebas, kesucian agama mungkin tercemar. Justeru itu suatu kaedah yang lebih mantap dan berkesan perlu diambil bagi menyekat penyebaran hadith-hadith seumpama itu.

Mewujudkan sebuah badan penyemak untuk menyemak buku-buku agama sebelum diterbitkan, mungkin antara pendekatan yang boleh membantu usaha menyekat penyebaran hadith-hadith palsu. Difahamkan percetakan al-Qur’ān telah sekian lama mengambil pendekatan ini.

Suatu majlis tazkirah yang mempertemukan ulama perlu diadakan dari semasa ke semasa, bagi mencapai kata sepakat tentang hadith-hadith *mawdu’*, mengambil sikap yang terbaik terhadap beberapa kitab *turath* serta beberapa kaedah penting yang perlu diambil ketika berinteraksi dengan hadith sebagai sumber kedua ini.

Disediakan oleh

Dr. Abdul Hayei Bin Abdul Sukor
Jabatan Al-Qur’ān dan Al-Hadith
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya